

Pelajar Madrasah Tahfiz Al-Rahmaniah Attiniah, Lubuk Tapah masih hilang

3 korban banjir di Kelantan



Oleh **TOREK SULONG** dan
RAHANA MOHD. DAHARI

KOTA BHARU 23 Nov. - Dua beradik dan seorang budak berusia dua tahun 11 bulan menjadi mangsa korban pertama banjir di negeri ini, selepas hujan lebat yang berterusan sejak beberapa hari lalu.

Dalam tiga kejadian berasingan di Bachok, Rantau Panjang dan Pasir Mas itu, seorang lagi masih hilang.

Di **BACHOK**, cubaan seorang abang menyelamatkan adiknya yang lemas semasa mereka mandi di sebatang parit di Kampung Tualang Salak, Tawang, dekat sini hari ini, berakhir dengan kedua-dua beradik itu mati lemas.

Kejadian berlaku semasa dua beradik malang itu mandi bersama sepupu mereka di parit tersebut, pukul 1.30 petang.

Mangsa ialah Ahmad Fathi Roslan, 14, pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jelawat dan adiknya, Mohd. Arif Hakimi, 10, murid tahun empat Sekolah Kebangsaan (SK) Jelawat.

Menurut sepupu mangsa, Azhar Fakri Mohamad, 13, semasa mereka mandi, Mohd. Arif Hakimi diper-

cayai terjatuh ke kawasan air dalam menyebabkan terkapai-kapai meminta pertolongan.

“Ahmad Fathi yang melihat insiden itu cuba berenang untuk menyelamatkan adiknya, tetapi dia pula turut lemas. Saya pula takut membantu kerana tidak pandai berenang.”

“Saya kemudian berlari ke sebuah kedai makan berdekatan untuk meminta pertolongan penduduk yang kemudian menghubungi pihak berkuasa,” katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Ketua Penjaga Balai Bomba dan Penyelamat Bachok, Nordin Zakaria berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan daripada orang awam pukul 2.35 petang dan tiba di lokasi kejadian pukul 2.52 petang.

“Gerakan mencari dan menyelamatkan melibatkan lima anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Bachok, tujuh anggota Unit Skuba, 10 anggota sukarela Pangkalan Chepa, Kota Bharu dan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD),” katanya di sini, hari ini.

Kata Nordin, mayat Ahmad Fathi ditemui pukul 4.32 petang manakala adiknya, Mohd Arif Hakimi pu-

kul 4.37 petang tidak jauh dari tempat mereka mandi.

“Kami percaya kedua-duanya lemas kerana dibawa arus deras berikutan air yang naik sekarang kerana hujan lebat,” katanya.

Katanya, kedua-dua mayat mangsa dihantar ke Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu untuk bedah siasat.

Di **RANTAU PANJANG**, Shahrul Aiman Mohd. Ridzuan, dua tahun 11 bulan, dari Kampung Cabang Tiga, pula tersembam ke dalam lopak yang dinaiki air semasa bermain seorang diri di hadapan rumahnya, pukul 6.55 petang.

Shahrul Aiman disahkan meninggal dunia semasa menerima rawatan di Klinik Kesihatan Rantau Panjang, pukul 7.30 petang.

Di **PASIR MAS**, seorang remaja yang merupakan pelajar Madrasah Tahfiz Al-Rahmaniah Attiniah, Lubuk Tapah, hilang ketika mandi bersama dua rakannya di sebatang tali air di Lemal, pukul 6 petang.

Sehingga kini, mangsa, Raihan Haslan, 15, berasal dari Banting, Selangor, masih belum ditemui dan operasi menyelamatkan dihentikan lewat petang ini.

ROSLAN Abdul Ghani (dua dari kiri) sedih melihat mayat dua anaknya yang lemas dalam sebatang parit di Kampung Tualang Salak, Tawang, Bachok, semalam.

3 sekolah terputus hubungan

HULU TERENGGANU 23 Nov. - Jalan yang menghubungkan tiga sekolah di daerah ini yang mempunyai lebih 300 calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) terputus hubungan hari ini akibat banjir.

Sekolah-sekolah itu ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Menerong, SMK Kuala Jeneris dan SMK Ajil.

Bagaimanapun, sebilangan calon yang menduduki peperiksaan petang ini dibawa ke sekolah dengan bantuan pasukan bomba dan penyelamat yang menyediakan pengangkutan.

Pegawai Pelajaran Daerah, Shafruddin Ali Hussin memberitahu, jika keadaan banjir lebih serius kemungkinan laluan ke sebuah lagi pusat peperiksaan iaitu SMK Tun Indera akan turut digenangi air.

“Setakat ini keadaan banjir masih terkawal, namun jika keadaannya melarat calon dua peperiksaan itu akan ditempatkan di bangunan sekolah masing-masing bagi memastikan mereka dapat menduduki peperiksaan,” katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

1,789 penduduk Terengganu pindah

SETIU 23 Nov. - Penduduk di tiga daerah yang terlibat dengan banjir dinasihatkan mematuhi arahan pihak berkuasa jika diarah berpindah agar tidak berdepan dengan risiko bahaya.

Sehingga pukul 6 petang, 1,786 mangsa sudah dipindahkan ke 29 pusat perpindahan di Setiu, Besut dan Hulu Terengganu.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad

Said yang meninjau keadaan banjir di Setiu hari ini berkata, jika mereka melengah-lengahkan berpindah, dikhawatiri usaha menyelamatkan penduduk menjadi sukar terutama waktu malam.

"Jika waktu malam baru nak pindah, kita khuatir ia akan membahayakan nyawa semua pihak, termasuk pasukan penyelamat. Mereka

ka (penyelamat) biasanya tak akan memindahkan penduduk waktu malam kerana terpaksa menggunakan bot dan tidak tahu di mana ada telaga, pagar, rumah dan sebagainya," katanya.

Setiu merupakan daerah yang mencatatkan jumlah mangsa banjir tertinggi setakat ini apabila 829 orang daripada 225 keluarga telah

dipindahkan.

Setakat ini, sembilan batang jalan ditutup, termasuk Jalan Sungai Tong-Pelong, Sungai Tong-Kuala Berang (Setiu), Jalan Padang Tapang-Durian Telor, Jalan Jerteh-Pasir Akar (Besut), Jalan Bukit Diman-Pengkalan Ajal, Jalan Kampung Kejir-Bukit Perah, Jalan Matan-Kuala Telemong (Hulu Tereng-

ganu).

Dua batang sungai telah melepasi paras bahaya iaitu Sungai Besut di Kampung La dan Sungai Setiu di Jambatan Permaisuri.

Ahmad berkata, beliau turut menerima laporan mengenai tiga rumah rosak dipukul ribut di daerah ini dan bantuan sesuai akan diberi kepada mangsa.



JENTOLAK diguna untuk memindahkan mangsa banjir di Kampung Tasek Permaisuri, Setiu, semalam.

- UTUSAN/SHAFUDIN MOHD. NOR



PASUKAN bomba dan penyelamat membantu penduduk menyeberangi jalan yang ditenggelami air sedalam hampir lima meter di Kampung Pengkalan, Ajal, Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/AZLAN BAHROM

Empat sungai di Pahang melebihi paras amaran

KUANTAN 23 Nov. - Paras air di empat sungai di negeri ini melebihi paras amaran hari ini ekoran hujan sekejap-sekejap sejak semalam.

Sungai yang terlibat ialah Sungai Triang di Bera selain Sungai Belat, Sungai Lembing dan Sungai Kuantan di Bukit Kenau yang masing-masing terletak di daerah ini.

Menurut laman web Jabatan Pe-

ngairan dan Saliran (JPS), air Sungai Triang berada pada paras 33.70 meter melebihi paras normal iaitu 19 meter.

Air Sungai Belat pula berada pada paras 3.27 meter melebihi paras normal manakala air Sungai Lembing mencatatkan 38.51 meter dan air Sungai Kuantan berada pada paras 20.18 meter.

Ekoran kenaikan tersebut, pen-

duduk yang berada di kawasan sekitar sungai terlibat diminta berjaga-jaga.

Dalam pada itu, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, tiga jambatan menghubungkan pekan Sungai Lembing dengan beberapa kampung di sini ditenggelami air lebih satu meter berikutan hujan lebat sejak semalam.

Jambatan yang terbabit adalah Jambatan Sungai Lembing, Jambatan Kuala Kenau dan Jambatan Kampung Kawah.

Namun, penduduk kawasan terbabit tidak terputus hubungan kerana mereka boleh menggunakan jambatan gantung sebagai laluan alternatif menghubungkan kawasan itu.

Hujan lebat di Pantai Timur

KUALA LUMPUR 23 Nov. - Jabatan Meteorologi hari ini mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga di Kelantan, Terengganu dan Pahang yang dijangka berterusan sehingga esok serta boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh jabatan itu, hujan lebat dijangka di Tumpat, Pasir Mas, Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang (Kelantan); Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman (Terengganu) serta Kuantan, Pekan, Jerantut, Maran, Bera, Rompin (Pahang).

Sementara itu, amaran hujan lebat peringkat kuning dikeluarkan di Perlis dan Kedah yang juga dijangka berterusan hingga esok serta boleh menyebabkan banjir di kawasan rendah.

Daerah yang terlibat ialah Padang Besar, Kangar dan Arau (Perlis) serta di Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Setar, Pokok Sena, Pendang dan Langkawi (Kedah).

Dalam pada itu, angin kencang dan laut bergejala kategori kedua dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Samui, Condore, Reef North dan Layang-layang.

Ia mencatatkan kelajuan angin kencang Timur Laut 50 hingga 60 kilometer sejam berserta ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Angin kencang dan laut bergelora kategori pertama berserta angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter akan melibatkan kawasan perairan Pantai Timur.

Ia membabitkan kawasan perairan di Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Kudat), Samui, Tioman, Bungan, Reef South dan Palawan.

Kedua-dua amaran itu dijangka berterusan sehingga esok dan keadaan itu membahayakan kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai, termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Maklumat lanjut mengenai keadaan cuaca boleh diperolehi dengan melayari laman web www.met.gov.my.

25 pesawah Mini Estet Padi rugi hampir RM1 juta

KOTA BHARU 23 Nov. - Seramai 25 petani yang mengusahakan Mini Estet Padi (MEP) di kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Puteri Saadong, Kampung Kubang Terap dekat sini mendakwa kerugian hampir RM1 juta apabila tanaman padi seluas 242 hektar musnah ditenggelami air akibat hujan lebat sejak dua hari lalu.

Lebih memeritkan, hasil tanaman padi yang sepatutnya dituai awal November lalu rosak disebabkan kekurangan jentera menuai menyebabkan proses tersebut terpaksa ditangguhkan.

Wakil petani berkenaan, Mustafa Mamat, 54, berkata, kawasan berkenaan mula ditenggelami air sejak Isnin lalu, namun keadaan tersebut menjadi lebih buruk apabila hujan lebat melanda sejak dua hari lepas.

Menurutnya, keadaan tersebut menyebabkan kawasan sawah bertukar menjadi lautan sehingga menyukarkan para petani menuai hasil tanaman mereka.

"Akibatnya kami terpaksa menanggung kerugian besar disebabkan padi tidak dapat dituai. Hendak tuai padi macam mana kalau bendang ditenggelami air, ada antaranya paras dada.

"Kawasan ini biasa dilanda banjir, namun tidaklah seteruk tahun ini. Ini antara banjir yang paling teruk menimpa kami yang mengusahakan tanaman padi di sini," katanya di Kampung Kubang Terap di



MUSTAFA Mamat (dua dari kanan) bersama rakannya cuba menarik jentera membajak yang ditenggelami air selepas sawah mereka di Kampung Terap, Kota Bharu dilanda banjir sejak kelmarin.

sini, hari ini.

Mustafa memberitahu, kejadian itu jarang berlaku kerana kebiasaannya sawah mereka hanya digenangi air cetek dan tidak sedalam tahun ini.

"Kami merayu pihak berkenaan

sama ada kerajaan negeri atau Persekutuan untuk membantu petani terlibat dan bantuan tersebut biarlah adil dan saksama.

"Ini kerana pada tahun lalu ada dalam kalangan kami tidak mendapat bantuan tersebut sedangkan

mereka terlibat dengan bencana banjir ini," ujarinya.

Tambahnya, pihaknya akan membuat laporan berhubung kerugian akibat banjir tersebut kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu dalam masa terdekat ini.

250 mangsa banjir pindah di Kelantan

KOTA BHARU 23 Nov. - Hujan lebat berterusan sejak kelmarin menyebabkan beberapa kampung di daerah ini dan Pasir Puteh dilanda banjir sehingga mengakibatkan 250 orang daripada 57 keluarga dipindahkan ke empat pusat pemindahan sementara, sejak petang semalam.

Menurut petugas laman rasmi *e-banjir* negeri Kelantan, di daerah ini, 180 mangsa daripada 39 keluarga dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Mulong manakala 26 mangsa dari enam keluarga ditempatkan di SK Tiong di sini.

Kebanyakan mangsa banjir dipindahkan dari Kampung Mulong dan penduduk yang tinggal di belakang SK Tiong selepas kediaman mereka digenangi air sedalam satu hingga dua meter.

Di Pasir Puteh, 21 orang dari Kampung Gong Kala dan Kampung Tok Kundur dipindahkan ke SK Bukit Awang sejak awal pagi ini selepas kediaman mereka tidak selamat didiami.

Di Pasir Mas, 23 mangsa dari Kampung Bujuk dan Kampung Bukit Jarum Kangkong dipindahkan ke pusat pemindahan di SK Bukit Jarum.

Sementara itu, paras air beberapa sungai utama di seluruh daerah ini menunjukkan bacaan melebihi paras bahaya dan amaran sehingga pukul 5 petang ini.

Di Sungai Golok, Rantau Panjang mencatat paras bahaya iaitu 10.40 meter, begitu juga di Sungai Golok, Jenob Rantau Panjang, sukatan terkini mencatatkan paras air mencecah paras bahaya iaitu 23.87 meter.

Satu lagi sungai yang mencatat paras amaran ialah Sungai Kelantan, Tangga Krai yang mencatat 22.56 meter berbanding paras amaran 22.50 aras bahaya 25 meter.